

18 JAN 2003

PAS-Pilihan raya

PAS BANGKIT ISU SAR PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG

PETALING JAYA, 18 Jan (Bernama) -- PAS akan membangkitkan isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) serta pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris semasa kempen pilihan raya umum akan datang, kata Pemangku Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata parti pembangkang itu juga akan membangkitkan isu-isu lain antaranya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kemiskinan, perpaduan nasional, rasuah dan isu ekonomi.

"Ini merupakan perkara yang masih wujud. Ini adalah isu-isu yang sangat berkait dengan kepentingan rakyat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat perdana bersama pemangku presiden di sini.

Majlis yang dihadiri oleh pemimpin peringkat cawangan PAS dari seluruh negara diadakan sebagai persiapan pilihan raya umum akan datang selain memantapkan jentera parti.

Abdul Hadi juga mendakwa bahawa isu tuntutan bertindih Pulau Batu Puteh serta bekalan air antara Malaysia dan Singapura sengaja diperbesarkan demi kepentingan Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Mengapa mereka adakan isu ini. Ini semata-mata nak menunjuk-nunjukkan patriotisme Umno untuk membeli hati rakyat terutama orang Melayu," kata Abdul Hadi yang juga Ketua Pembangkang di Parlimen.

Mengenai lawatan Perdana Menteri ke Kelantan dua hari lepas, Abdul Hadi mendakwa itu adalah tanda kempen pilihan raya dan wujudnya masalah dalaman Umno.

Abdul Hadi berkata PAS yakin dapat mengekalkan kuasanya di Kelantan walaupun pucuk pimpinan Umno Kelantan kini menampakkan lebih ramai tenaga muda dan muka baru kerana PAS mempunyai gandingan mantap pemimpin lama dan baru.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir lawatannya ke Kelantan mengumumkan rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan Zaid Ibrahim sebagai timbalan pengerusi, Datuk Dr Awang Adek Hussin sebagai Bendahari dan Nawawi Jusoh sebagai Setiausaha Perhubungan serta Che Alwi Che Ahmad sebagai Ketua Penerangan.

Mengenai pilihan raya umum akan datang, Abdul Hadi berkata apa yang penting adalah bagi memastikan pertandingan satu lawan satu.

Ditanya mengenai calon wanita PAS dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata ia bergantung kepada pandangan kawasan-kawasan dan cawangan PAS bagi memastikan sokongan dan kemenangan.

Beliau berkata meletakkan calon wanita bukan satu perkara baru bagi PAS kerana menurut PAS pernah meletakkan calon wanita di kawasan Parlimen Dungun pada pilihan raya 1959 dan calon itu menang.

-- BERNAMA

RV RV PR